

YGTHO
YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN



TM
ONE

INSTITUT AMINUDDIN BAKI

3rd ICELAM

**INTERNATIONAL CONFERENCE
ON EDUCATIONAL LEADERSHIP AND MANAGEMENT**

PART 2

**PAPERS
PRESENTED**



KEPERLUAN PENTAKSIRAN BERTERUSAN DALAM PENDIDIKAN VOKASIONAL: KAJIAN DI NEGERI PERAK

Siva Rabindarang¹

¹Jabatan Teknologi Awam, Kolej Vokasional Slim River (KVSR), Malaysia,
(E-mail:sivarabindarang@gmail.com)

Abstrak: Pendidikan Vokasional merupakan pendidikan yang fokuskan pengetahuan, psikomotor dan afektif iaitu seiring dengan tuntutan dalam sistem TVET. Pelajar Vokasional ditaksir dalam pelbagai kaedah iaitu kuiz, ujian, amali, pembentangan dan lain-lain lagi untuk menilai keterampilan. Pentaksiran berterusan merupakan kaedah penilaian formatif yang dilaksanakan secara berterusan dalam pendidikan vokasional. Tujuan pentaksiran untuk menentukan kebolehan, pencapaian dan prestasi pelajar. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk menentukan keperluan dan kegunaan pentaksiran berterusan yang dibangun secara berpusat dalam pendidikan vokasional. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan iaitu kuantitatif dan kualitatif. Bagi pendekatan kuantitatif seramai 36 tenaga pengajar terlibat secara langsung dengan tinjauan soal selidik. Manakala, bagi pendekatan kualitatif iaitu temu bual separa berstruktur seramai 4 peserta kajian dipilih dengan kaedah persampelan bertujuan. Dapatan menunjukkan pentaksiran berterusan yang dibangun secara berpusat adalah satu keperluan dan dapat digunakan secara spesifik dalam mentaksir pelajar. Data kuantitatif disokong dengan dapatan kualitatif iaitu pentaksiran berterusan yang dibangun secara berpusat satu keperluan agar pentaksiran yang dilaksanakan adalah seragam. Malah, pentaksiran berterusan yang dibangun secara berpusat juga dapat digunakan secara menyeluruh.

Kata kunci: Vokasional, Pentaksiran, Prestasi, Psikomotor

Abstract: Vocational Education is an education that focuses on knowledge, psychomotor and affective in accordance with the demands in the TVET system. Vocational students are assessed in various methods such as quizzes, tests, practical's, presentations, and others. Continuous assessment is a formative assessment method that is implemented continuously in vocational education. The purpose of continuous assessments is to determine the abilities, achievements, and performance of students. Therefore, this study was carried out to determine the need and usefulness of continuous assessment developed centrally in vocational education. This study uses a combined approach of quantitative and qualitative methods. For the quantitative approach, a total of 36 teaching staff were directly involved with the questionnaire survey. Whereas, for the qualitative approach, which is a semi-structured interview, a total of 4 study participants were selected using the purposive sampling method. Findings show that continuous assessment developed centrally is a necessity and can be used specifically in assessing students. Quantitative data is supported by qualitative findings, which is continuous assessment that is developed centrally, a requirement so that the assessment that is carried out is uniform. In fact, continuous assessment developed centrally can also be used widely.

Keywords: Vocational, Assessment, Performance, Psychomotor

1. Pengenalan

Transformasi Pendidikan Vokasional merupakan agenda negara dan telah diterapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013; Rohaniza Idris, 2021). Transformasi ini sebagai laluan alternatif agar lebih terbuka dan memberi peluang kepada murid untuk mengikuti pendidikan vokasional. Transformasi Pendidikan Vokasional juga bertujuan untuk menyediakan latihan pendidikan teknikal dan vokasional kepada murid secara khusus dan terancang. Menurut Rohaniza (2021) transformasi ini dapat menghasilkan graduan yang berkualiti, berkemahiran dan bersesuaian dengan revolusi industri 4.0.

Proses pembelajaran dan pemudahcaraan juga dilaksanakan merujuk transformasi yang berlaku dalam pendidikan vokasional. Sistem pengajaran dan pembelajaran adalah berpandukan pendidikan berasaskan hasil atau lebih dikenali *Outcome Based Education* (OBE). Pendidikan berasaskan hasil merupakan satu proses yang melibatkan penstrukturan kurikulum, penilaian dan laporan amali dalam pendidikan. Tujuannya adalah untuk menentukan pencapaian dan penguasaan pembelajaran di peringkat tinggi (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016; Rusmawati et al., 2016). Malah, prinsip penjajaran konstruktif turut digunakan iaitu perangkaan aktiviti pengajaran serta pencapaian hasil pembelajaran dengan pentaksiran yang dilaksanakan.

Elemen pentaksiran berterusan terkandung dalam pembelajaran berasaskan hasil dan penjajaran konstruktif. Pentaksiran berterusan bertujuan untuk mengukur pencapaian dan prestasi murid mengikut hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan dalam silibus serta kandungan kursus. Pentaksiran berterusan dalam pendidikan vokasional dibangunkan merujuk Jadual Spesifikasi Pentaksiran Berterusan (JSPB). JSPB adalah jadual yang menetapkan komponen penilaian, kaedah pentaksiran, domain dan pemberat merujuk jadual penilaian dan jadual spesifikasi penilaian dalam kandungan kursus. Rajah 1 menunjukkan proses pembangunan pentaksiran berterusan yang biasa dilaksanakan dalam pendidikan vokasional.



Rajah 1: Proses Pembangunan Pentaksiran Berterusan

Rajah 1 menunjukkan proses pembangunan pentaksiran berterusan (PB) yang diamalkan dalam pendidikan vokasional. Proses ini adalah amalan dan menjadi satu kriteria umum dalam pembangunan pentaksiran berterusan. Justeru, pentaksiran berterusan yang dibangunkan merupakan satu keperluan dalam mentaksir murid secara berterusan. Kandungan pentaksiran berterusan juga perlu sesuai dengan tahap pengajian dan bersesuaian dengan penjajaran yang konstruktif. Pentaksiran berterusan juga perlu mempunyai tahap kebolehgunaan yang sejajar dengan hasil pembelajaran agar penilaian yang dilaksanakan adalah telus dan berkualiti. Tujuannya agar PB yang dihasilkan adalah berkualiti dan menepati skop pengajian bidang kemahiran.

Berikut adalah objektif yang telah ditentukan untuk kajian ini.

- i. Menenal pasti keperluan pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat dalam pendidikan vokasional.
- ii. Menentukan kebolehgunaan pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat dalam pendidikan vokasional.

2. Tinjauan Literatur

Pentaksiran berterusan dalam pendidikan vokasional dibangunkan merujuk kandungan kursus *course outline CO*. Pentaksiran ini dilaksanakan sepanjang semester merangkumi teori dan amali (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2022) pentaksiran berterusan perlu dirancang, ditadbir, dinilai dan dilaporkan. Oleh itu, dokumen utama iaitu kandungan kursus adalah rujukan utama dalam pembangunan pentaksiran berterusan. Menurut Mohd Amiruddin dan Muhd Kaizer (2018) kandungan kursus adalah rujukan untuk menentukan pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir yang akan dilaksanakan sepanjang semester.

Pentaksiran berterusan adalah keperluan utama dalam pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan. Maka, pentaksiran berterusan ini adalah satu keperluan dan dapat digunakan bagi mentaksir pelajar. Pembangunan pentaksiran berterusan perlu disesuaikan dengan keperluan kandungan kursus serta tahap pelajar. Oleh itu, pembangunan dalam bentuk modul adalah perlu untuk membantu tenaga pengajar untuk mentaksir pelajar (Kumaran & Azali, 2019). Menurut Kumaran & Azali (2019) pembangunan pentaksiran dapat mengurangkan beban tenaga pengajar serta mengelakkan persoalan berkaitan kualiti, kebolehpercayaan serta kesahan item soalan.

Pentaksiran juga perlu disesuaikan dengan tahap serta penguasaan pelajar yang menepati keperluan kursus. Malah, pentaksiran juga dapat mengoptimumkan penguasaan pelajar serta menambahbaik kualiti pengajaran. Oleh itu, pentaksiran berterusan yang dibangunkan perlu disesuaikan dengan kandungan kursus, tahap dan penguasaan pelajar agar kualiti pengajaran terjamin.

Pentaksiran berterusan perlu digunakan secara menyeluruh serta dapat mentaksir pelajar seperti yang ditetapkan dalam kandungan kursus. Kebiasaan, pentaksiran meliputi aspek kognitif, psikomotor dan afektif. Menurut Haziyah Hussin et al. (2021) pelaksanaan pentaksiran perlu memberi impak positif terhadap pelajar khususnya dalam penglibatan dalam pembelajaran serta pembangunan kemahiran insaniah. Menurut Mardziah et al., (2019) pentaksiran mempunyai aras kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi agar dapat digunakan secara

menyeluruh serta tepat. Hal ini penting kerana pentaksiran yang digunakan tiada pertikaian serta menepati keperluan kursus.

3. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah menggunakan pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif iaitu kaedah tertanam *embedded sequential* (Yuznaili, 2021). Kaedah gabungan ini mempunyai kelebihan tersendiri dalam menganalisis dan mengumpul data. Menurut Creswell dan Clark (2011), kelebihan menggunakan kaedah gabungan ini ialah mempunyai orientasi yang kuat dan lebih terfokus. Walaupun pemberatan adalah terhadap kaedah kuantitatif, tetapi kaedah kualitatif juga sesuai dipraktikkan dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional (Mohamad Hisyam, 2011).

Seramai 36 tenaga pengajar daripada seluruh negeri Perak terlibat secara langsung dalam kajian ini. Justifikasi pemilihan peserta kajian ialah hanya seramai 36 sahaja pengajar terlibat dengan pentaksiran berterusan ini. Manakala, seramai 4 orang tenaga pengajar dipilih dalam kalangan tenaga pengajar vokasional untuk kajian kualitatif. Justifikasi pemilihan tenaga pengajar untuk kajian kualitatif adalah mengajar dalam bidang dan pernah membangunkan pentaksiran berterusan. Menurut Creswell dan Clark (2011) bilangan responden yang diperlukan untuk kajian kaedah kualitatif adalah antara 4 hingga 10 orang. Justeru, pemilihan tenaga pengajar untuk kajian kualitatif adalah pada kadar minima iaitu seramai 4 orang tenaga pengajar iaitu 2 lelaki dan 2 perempuan.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah set soal selidik yang dibangunkan dengan merujuk literatur dan saranan pakar. Instrumen kajian ini telah disemak dan disahkan oleh 2 orang pakar daripada universiti tempatan. Item telah dianalisis untuk kebolehpercayaan dengan edarkan soal selidik kepada semua tenaga pengajar yang terlibat dalam pembangunan pentaksiran berterusan.

Soal selidik yang telah dijawab oleh tenaga pengajar tersebut dikumpulkan dan disemak. Semakan dilaksanakan untuk memastikan responden telah menjawab semua item mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Kaedah analisis melibatkan statistik deskriptif. Analisis statistik deskriptif terdiri daripada min dan peratus. Jadual 1 menunjukkan julat tahap penilaian min dalam kajian ini.

Jadual 1: Julat Tahap Penilaian Min

| Skor Min | Tahap |
|-------------|-----------------|
| 1.00 – 2.33 | Tahap rendah |
| 2.34 – 3.66 | Tahap sederhana |
| 3.67 – 5.00 | Tahap tinggi |

Sumber: Pallant (2011)

Manakala, soalan temu bual separa berstruktur digunakan bagi kajian kualitatif. Soalan temu bual separa berstruktur telah disemak juga oleh 2 orang pakar untuk menentukan kesahannya. Temu bual separa berstruktur adalah bersifat fleksibel tidak terikat dengan satu-satu aspek sahaja. Hal ini kerana penembual boleh menyoal dan mendapatkan maklumat secara lebih mendalam daripada peserta kajian kepada satu soalan formal yang telah ditanya (Chua, 2006). Malah, soalan yang digunakan dalam temu bual separa struktur boleh diubahsuai dan disoal dalam urutan yang berbeza. Tujuannya, agar peserta kajian memahami dan memberikan

maklum balas yang bersesuaian dengan kajian. Dalam kajian ini sebanyak 3 soalan telah direka bentuk. Soalan ini meliputi soalan keperluan, kandungan dan kebolegunaan pentaksiran berterusan dalam pendidikan vokasional. Temu bual dilaksanakan dengan mendapatkan persetujuan responden serta identiti mereka dirahsiakan. Sesi temu bual dilaksanakan secara tertutup dan kebenaran diperolehi sebelum temubual ini direkodkan.

Data kualitatif kajian ini dianalisis dengan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam menganalisis data kualitatif (Lisah, 2011). Menurut Yin (2009) strategi kajian fokuskan kepada persoalan bagaimana dan apa. Kebaikan analisis kandungan adalah dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan dan gangguan (Fraenkel et al., 2012; Marshall & Rossman, 2006). Analisis kajian ini juga sistematik dan dapat menganalisis sebarang jenis teks (Othman, 2009). Analisis ini jelas, mudah serta ekonomik dari segi masa dan sumbernya berbanding kaedah analisis yang lain (Fraenkel et al., 2012). Data ini dikodkan dan dikategorikan mengikut tema bagi menjawab objektif kajian.

4. Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang dilaksanakan terhadap tenaga pengajar yang terlibat dalam pembangunan pentaksiran berterusan. Analisis untuk objektif kajian pertama dilaksanakan dengan dapatan kuantitatif iaitu kaedah statistik deskriptif dan disokong dengan dapatan kualitatif iaitu analisis kandungan. Manakala analisis untuk objektif kedua adalah dengan dapatan kuantitatif iaitu kaedah statistik deskriptif.

Objektif Kajian 1

Mengenal pasti keperluan pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat dalam pendidikan vokasional.


Jadual 2 menunjukkan dapatan berkaitan dengan keperluan pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat dalam pendidikan vokasional. Data yang diperolehi adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Keperluan Pentaksiran Berterusan dalam Pendidikan Vokasional

| Item | Min | Interpretasi |
|---|------|--------------|
| Pentaksiran berterusan diperlukan untuk keseragaman PdPc. | 4.67 | Tinggi |
| Pentaksiran berterusan diperlukan untuk penyelarasan pentaksiran. | 4.61 | Tinggi |
| Pentaksiran berterusan diperlukan untuk keseragaman penilaian akhir. | 4.58 | Tinggi |
| Pentaksiran berterusan diperlukan untuk memudahkan tenaga pengajar. | 4.61 | Tinggi |
| Pentaksiran berterusan diperlukan untuk mengurangkan beban tenaga pengajar. | 4.53 | Tinggi |
| Pentaksiran berterusan diperlukan untuk meyakinkan tenaga pengajar. | 4.50 | Tinggi |
| Pentaksiran berterusan diperlukan untuk memudahkan tenaga pengajar. | 4.56 | Tinggi |
| Pentaksiran berterusan diperlukan untuk meningkatkan motivasi tenaga pengajar | 4.69 | Tinggi |

Merujuk keperluan pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat dalam pendidikan vokasional, semua tenaga pengajar bersetuju dengan domain keperluan. Purata min keseluruhan ialah 4.59 iaitu pada tahap tinggi (Pallant, 2011). Dapatan menunjukkan bahawa

pentaksiran berterusan adalah satu keperluan untuk penyeragaman, memudahkan, meningkatkan keyakinan dan memberikan motivasi kepada tenaga pengajar. Justeru, dapatan menunjukkan pembangunan pentaksiran berterusan secara berpusat adalah satu keperluan dalam pendidikan vokasional. Dapatan analisis keperluan pembangunan pentaksiran berterusan secara berpusat juga ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Keperluan pentaksiran berterusan dalam pendidikan vokasional

Analisis kualitatif menyokong dapatan daripada data kuantitatif bagi objektif pertama. Temu bual dilaksanakan terhadap 4 tenaga pengajar yang menggunakan pentaksiran berterusan. Data dianalisis dengan kaedah analisis kandungan. Peserta kajian dikodkan P1, P2, P3 dan P4.

Soalan temu bual

Apakah keperluan pentaksiran berterusan dalam pendidikan vokasional secara berpusat?

Menurut peserta kajian P1

“...pentaksiran berterusan sangat perlu dalam pendidikan vokasional. Sebab dibangunkan secara bersama, memudahkan dan seragam”.

Menurut peserta kajian P2

“...sangat membantu saya. Saya dapat menggunakan pentaksiran ini dengan baik dan dapat mentaksir pelajar”.

Menurut peserta kajian P3

“... saya selesa dan percaya dengan pentaksiran ini. Sangat membantu”.

Menurut peserta kajian P4

“... saya dapat menilai pelajar saya dengan menggunakan bahan yang telah dibangunkan secara bersama. Memudahkan serta boleh digunakan secara menyeluruh”.

Peserta kajian menyatakan pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat ini adalah satu keperluan dan kandungannya adalah bersesuaian dengan pembelajaran dan

pemudahcaraan. Malah, dapatan kajian juga menunjukkan pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat ini sangat membantu serta memudahkan proses penilaian.

Objektif Kajian 2


Menentukan kebolegunaan pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat dalam pendidikan vokasional.

Jadual 3 adalah data berkaitan dengan kebolegunaan pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat dalam pendidikan vokasional. Data yang diperolehi adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Kebolegunaan pentaksiran berterusan dalam pendidikan vokasional

| Item | Min | Interpretasi |
|---|------|--------------|
| Saya dapat menggunakan pentaksiran berterusan ini dalam PdPc. | 4.64 | Tinggi |
| Saya yakin untuk menggunakan pentaksiran berterusan ini. | 4.61 | Tinggi |
| Saya gembira selepas mendapat pentaksiran berterusan ini. | 4.53 | Tinggi |
| Saya lebih komited selepas mendapat pentaksiran berterusan ini. | 4.58 | Tinggi |
| Saya suka menggunakan pentaksiran berterusan ini dalam PdPc. | 4.56 | Tinggi |
| Saya berasa pentaksiran berterusan ini sangat bermanfaat. | 4.67 | Tinggi |
| Saya boleh melaksanakan PdPc dengan lebih baik. | 4.50 | Tinggi |
| Saya seronok untuk menggunakan pentaksiran berterusan dalam PdPc. | 4.56 | Tinggi |

Merujuk kebolegunaan pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat dalam pendidikan vokasional, semua responden bersetuju dengan domain kegunaan. Purata min keseluruhan ialah 4.58 iaitu pada tahap tinggi (Pallant, 2011). Justeru, dapatan menunjukkan kebolegunaan pembangunan pentaksiran berterusan secara berpusat adalah sesuai dalam pendidikan vokasional. Dapatan analisis kebolegunaan pembangunan pentaksiran berterusan juga ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 4: Kebolegunaan pentaksiran berterusan dalam pendidikan vokasional

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Pentaksiran adalah proses yang dilaksanakan secara terancang dan tersusun untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar. Merujuk Hariatul et al. (2021) pentaksiran dilaksanakan untuk menentukan keupayaan pelajar. Keupayaan ini diukur sama ada dalam aspek kognitif, psikomotor dan afektif dengan pentaksiran berterusan seperti ditetapkan dalam silibus kursus. Justeru, pentaksiran berterusan perlu bersesuaian dengan tahap pelajar agar penilaian yang dilaksanakan adalah telus serta menepati hasil pembelajaran kursus.

Pentaksiran berterusan adalah satu kaedah penilaian formatif yang boleh digunakan secara menyeluruh dan terfokus. Kebolehgunaan ini penting kerana pentaksiran berterusan menentukan prestasi pelajar sepanjang pelaksanaan proses pengajaran. Menurut Mohd Asnawi dan Mohd Effendi (2022) pentaksiran berterusan sangat berguna agar berkualiti, adil, jelas, sistematik serta mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu, pentaksiran berterusan yang dibangunkan secara berpusat ini mempunyai tahap kebolehgunaan yang tinggi yang mana semua tenaga pengajar menyatakan manfaat dan selaras dengan tahap pelajar. Secara keseluruhannya, pentaksiran berterusan merupakan penilaian yang wajib dilaksanakan dalam kursus-kursus pendidikan vokasional. Pelaksanaan adalah merujuk silibus dan kandungan kursus yang telah dibangunkan oleh pembangun kurikulum. Pembangunan pentaksiran berterusan perlu dipelbagaikan merujuk bentuk dan kaedah pentaksiran agar sesuai dengan tahap pelajar. Menurut Hariatul et al. (2021) pentaksiran perlu disesuaikan dengan tahap dan penerimaan pelajar agar penilaian yang dilaksanakan adalah telus serta menepati tahap yang telah ditetapkan.

Namun begitu, pentaksiran berterusan yang dibangunkan perlu sentiasa disemak dan ditambah baik merujuk penilaian yang dilaksanakan. Hal ini kerana, beberapa perkara seperti penskoran bias, ketidak wajaran markah dan pemeriksaan yang kurang telus boleh berlaku sepanjang proses pentaksiran (Mohd Asnawi & Mohd Effendi, 2022). Justeru, penambahbaikan berterusan perlu sentiasa dilaksanakan agar pentaksiran adalah berkualiti serta tekal dalam aspek keperluan, kandungan serta kebolehgunaan.

Rujukan

- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. Selangor: McGraw-Hill.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. (2011). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. 2nd ed., Thousand Oaks, CA: Sage.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.
- Hariatul Hafidzah, Mohd Nazri & Muhammad Azhar. (2021). Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah Mata Pelajaran Bahasa Arab Berasaskan Keperluan Pembelajaran Murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41-57.
- Haziyah Hussin, Najah Nadiah Amran, Nur Farhana Abdul Rahman, 'Adawiyah Ismail & Zamzuri Zakaria. (2021). Amalan pentaksiran alternatif dalam program Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19. *International Journal of Islamic Studies*, 43 (1), 3-14.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Panduan Peraturan Akademik Kolej Vokasional Edisi 2022*. Kluster Pembangunan Kurikulum dan Program TVET, BPLTV.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). *Rubrik PNGK Bersepadu iCGPA Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran*. Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kumaran Gengatharan, & Azali Rahmat (2019). Keperluan modul pentaksiran pendidikan kesihatan untuk guru tahap satu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah, *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 8(2), 19–27.
- Lisah Chong. (2011). Refleksi pembelajaran tentang teknik menganalisis data dalam pelaksanaan penyelidikan tindakan bertajuk “penggunaan *combo set* dalam membantu murid Tahun tiga menjawab soalan *long division*”. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 5, 1-15.
- Marshall, C., & Rossman, G. B. (2006). *Designing Qualitative esearch*. 4th Edition, Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mardziah Abdullah, Mariani Md Nor & Fonny Dameaty Hutagalung. (2019). Tadbir Urus Pentaksiran Murid dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 7(3), 20-27.
- Mohamad Hisyam Mohd Hashim. (2011). Potensi penyelidikan kualitatif dalam pendidikan teknikal dan vokasional. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional, CIETVT 2011*.
- Mohd Asnawi Kamaludin & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2022). Pendayagunaan Rubrik Pemarkahan Pentaksiran Berterusan Amali Bagi Program Diploma Perakaunan di Kolej Vokasional: Masihkah Relevan? *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001458. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1458>
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif - Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim, Perak: UPSI.
- Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. 4th Edition, McGraw-Hill Education.
- Rohaniza Idris. (2021, September 24). Transformasi Pendidikan Vokasional; Persediaan IR 4.0. *Berita Harian*.
- Rusmawati Othman, Mohd Fadzil bin Mohd Salleh, Mohd. Isha Awang. (2016). Pentaksiran dalam Kelas Melalui Pendekatan Outcome Based Education (OBE): Satu Analisis Terhadap Pengetahuan dan Amalan Pensyarah. *Proceeding of ICECRS*, 1, 59-68.
- Yin, R. K. (2009). *Case Study Research: Design and Methods*. 4th Edition, Thousand Oak, CA: Sage.
- Yuznaili Saleh (2021). *Panduan Komprehensif Penyelidikan: Navigasi Penyelidikan Anda*. Global Mediastreet Sdn Bhd.